

KOTA BAHARU, 2 MAC (BERNAMA) -- LEMBAGA TEBBAKAU NEGARA (LTN) AKAN MERANGKA SATU PELAN KEBANGSAAN BAGI MENJAMIN PERKEMBANGAN PERUSAHAAN TEBBAKAU SECARA TERATUR DAN TERKAWAL DI MASA AKAN DATANG, DEMIKIAN UJUMBUKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, PELAN TERSEBUT MELIPUTI SEMUA ASPEK TERMASUK PENANAMAN, PENGAWITAN, PENYELIDIKAN, LATIHAN DAN PERKILANGAN ROKOK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TELAH BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DEWAN PENGAWIT-PENGAWIT TEBBAKAU MALAYSIA DI SINI. UCAPAN BELIAU DIBACAKAN OLEH SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN BERKENAAN, ENCIK ABU HASSAN HAJI OMAR.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, PERUSAHAAN TEBBAKAU DI NEGARA INI SEKARANG MENGHADAPI MASALAH PENGELUARAN YANG RENDAH BERBANDING DENGAN PENGELUARAN DALAM TAHUN-TAHUN 60-AN.

BELIAU BERKATA KETIKA ITU PARA PENANAM PERNAH MENCAPAI PENGELUARAN SEBANYAK 1,000 PAUN DAUN KERING SEEKAR TETAPI SEKARANG PENGELUARANNYA TELAH JATUH KEPADA HANYA 680 PAUN. --BERSAMBUNG 1606/BY

EE

1541

MAHATHIR-TEBBAKAU 2 KOTA BAHARU

TAMBAHNYA, ANTARA SEBAB-SEBAB BERKURANGANNYA JUMLAH PENGELUARAN DAN JATUHNYA MUTU DAUN TEBBAKAU IALAH MASIH TERDAPAT AMALAN MENANAM YANG TIDAK BERDISIPLIN DAN MENGIKUT PERATURAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA USAHA-USAHA JUGA SEDANG DITINGKATKAN BAGI MENJALANKAN PENYELIDIKAN MENGENAI PERUSAHAAN ITU TERUTAMA DARI SEGI TANAMAN DI KAWASAN TANAH BRIS.

KERAJAAN NEW ZEALAND TELAH MEMBERI BANTUAN TEKNIKAL TERHADAP PENYELIDIKAN ITU DAN LTN SENDIRI TELAH MENDAPAT SEORANG PAKAR UNTUK MEMBERI NASIHAT MENGENAI PERKARA TERSEBUT.

+KAJIAN AWAL MENUNJUKKAN BERJUTA-JUTA EKAR KAWASAN TANAH BRIS DI SEPANJANG PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MEMPUNYAI POTENSI YANG BAIK UNTUK TANAMAN TEBBAKAU+ UJARNYA.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN BERHARAP PENEMUAN KAWASAN-KAWASAN BARU INI AKAN DAPAT MEMBAIKI LAGI KEADAAN SOSIO-EKONOMI RAKYAT, TERUTAMA YANG TINGGAL DI KAWASAN PANTAI TIMUR.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MEMBERITAHU BAHAWA LTN SEDANG MENKKAJI CARA AWITAN DENGAN MENGGUNAKAN MINYAK DISEL SEBAGAI MENGGANTIKAN KAYU API YANG TELAH MELAMBUNG NAIK HARGANYA.

KATANYA, KAJIAN AWAL MENUNJUKKAN ADA KEMUNGKINAN PENGGUNAAN BAHAN ITU BOLEH MENOLONG MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN DI MASA AKAN DATANG BERBANDING DENGAN KOS SEKARANG INI. --BERSAMBUNG 1610/BY

MAHATHIR-TEBBAKAU 3 KOTA BAHARU

DI SAMPING ITU, LTN JUGA SEDANG MENKKAJI CARA-CARA PENGAWITAN YANG LEBIH CEKAP SEBAGAI LANGKAH MEMODENKAN LAGI PERUSAHAAN TEBBAKAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU PARA PENGAWIT MENGANGGAP KERJA AWITAN SEBAGAI SATU PROFESION TEKNIKAL DAN BUKAN SEBAGAI SATU KERJA SAMBILAN SAJA JIKA MEREKA INGIN MENGELUARKAN TEBBAKAU AWITAN YANG BERMUTU TINGGI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN BERBAGAI KEMUDAHAN KEPADA PENANAM-PENANAM TEBBAKAU MEMANDANGKAN PERUSAHAAN ITU KINI MENJADI SEMAKIN PENTING DALAM STRATEGI MEMAJUKAN EKONOMI RAKYAT LUAR BANDAR. --BERNAMA 1611/BY